

Dagang Net dipelawa perkenal e-kerajaan di Maghribi

UM 28 MAY 2002

KUALA LUMPUR 27 Mei — Firma teknologi maklumat tempatan, Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT), telah dijemput untuk melaksanakan aplikasi e-kerajaan di Rabat, Maghribi.

Pengarah Hubungan dan Pakatan Global Strategiknya, Alvin Mah berkata, jemputan itu dibuat dalam bentuk penyertaan Ekspo Persidangan E-kerajaan 2002 selama tiga hari bermula esok.

"Kita dijemput berkongsi pengalaman dan akan menyampaikan kajian kes berhubung pembangunan aplikasi dalam pentadbiran," katanya dalam sebuah kenyataan di sini, hari ini.

Menurutnya, antara isu yang bakal disampaikan ialah pembangunan Bursa Pelaburan Negara Malaysia dan Sistem Penyerahan Pengisytiharan Kastam melalui Internet.

Selain Malaysia, katanya, persidangan itu akan turut mema-

parkan para penceramah dari Belgium, Britain, Itali, Amerika Syarikat dan Sepanyol serta Bank Dunia.

Antara topik-topik yang akan dibincangkan ialah prinsip asas menubuhkan kerajaan elektronik, teknologi e-kerajaan, hubungan operasi antara agensi kerajaan, halangan tingkah laku, teknikal dan sekuriti.

Ekspo tersebut yang bermula tahun lalu merupakan edisi kedua forum antarabangsa kerajaan Maghribi yang bertujuan mendedahkan amalan terbaik e-kerajaan kepada negara-negara Arab.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif DNT, Hazree Mohd. Turse berkata, penyertaan DNT dalam ekspo berkenaan adalah selaras dengan saranan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.